

24 APR 2003

MTEN-PAKEJ/I

BUTIRAN PAKEJ RANGSANGAN DI PERINGKAT AKHIR, KATA MUSTAPA

PUTRAJAYA, 24 April (Bernama) -- Butiran pakej rangsangan ekonomi kini di peringkat akhir dan bermungkinan besar diumumkan bulan depan, kata pengarah eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) Datuk Mustapa Mohamed.

"Banyak yang telah dimuktamadkan," katanya kepada pemberita selepas sesi taklimat dengan pelabur asing dan tempatan mengenai Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS). Taklimat itu diatur oleh MTEN.

Mustapa berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka membuat pengumuman mengenai pakej yang bermatlamat untuk merangsang aktiviti ekonomi.

Ditanya kenapa pengumuman pakej itu telah ditangguhkan, Mustapa menjawab: "Keadaan sekarang agak rumit, termasuk dengan kemunculan SARS."

Tentang pertumbuhan ekonomi Malaysia untuk tahun ini, beliau berkata kerajaan akan mengeluarkan kenyataan.

Ekonomi negara diunjurkan tumbuh 4.5 peratus tahun ini. Bagaimanapun, Pemangku Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menyatakan baru-baru ini bahawa unjuran pertumbuhan keluaran dalam negara kasar (KDNK) mungkin perlu disemak semula.

"Kita kena tunggu kerajaan membuat kenyataan rasmi. Abdullah telah menyatakan Isnin lepas, kita ikut," katanya.

Mustapa berkata kerajaan belum mendapat gambaran penuh tentang kesan SARS ke atas ekonomi dan sektor perniagaan. Ia sedang mengumpul butiran daripada industri yang terjejas, katanya.

Beliau juga berkata MTEN akan turut menyerahkan kepada kerajaan pelbagai permohonan daripada industri yang meminta insentif. "Apa yang kita lakukan sekarang adalah mengumpul semua data dan memberitahu kerajaan apa yang mereka mahukan," katanya. -- BERNAMA

LES FR JR